

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 28 NOVEMBER 2021**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 16 (A171)**

Apakah rancangan kerajaan untuk menambah baik laluan masuk ke Jalan Parit Kangkung yang tidak mempunyai penghadang jalan, serta aliran parit yang tidak sempurna di belakang SJKC Chern Hwa, Bukit Pasir?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Sekiranya yang dimaksudkan adalah Jalan Parit Kangkong, ianya mempunyai rizab jalan yang sempit dan tidak sesuai untuk dibuat penghadang atau pembahagi jalan. Manakala belakang SJKC Chern Hwa, Bukit Pasir pula, ianya bersempadan dengan rizab tanah individu. Sempadan antara tanah sekolah dan tanah individu tersebut bukan di bawah rizab penyelenggaraan MPBP.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 28 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 17 (A141)**

Bagaimana Kerajaan Negeri boleh membantu untuk menyelenggara atau menaik taraf kemudahan awam seperti padang, gelanggang sukan dan dewan serbaguna di kawasan pentadbiran rancangan FELDA.

**JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI**

Bagi pelaksanaan pembaikan infrastruktur oleh FELDA, permohonan pembaikan dan bina baru meliputi **bangunan komuniti, jalan dan saliran** serta **tanah runtuh** perlu dimohon melalui Pengurus Rancangan, disokong oleh Pengarah Wilayah dan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur FELDA oleh Jabatan Pembangunan Komuniti dan Generasi FELDA di peringkat ibu pejabat untuk kelulusan.

Mesyuarat Jawatankuasa berperanan:

- i. Menimbang dan memberi kelulusan permohonan infrastruktur daripada rancangan dan wilayah;
- ii. Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek infrastruktur yang diluluskan oleh jawatankuasa;
- iii. Memantau keberkesanan dan impak pelaksanaan projek terhadap warga peneroka dan generasi baharu; dan
- iv. Menyelaras dan memudah cara penyelesaian dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek infrastruktur bersama dengan pihak yang berkaitan.

Kelulusan juga bergantung kepada peruntukan infrastruktur tahunan dan keadaan kewangan FELDA. Berdasarkan rekod kelulusan peruntukan bagi tahun 2021, sebanyak **RM10,579,220.33** telah diluluskan bagi rancangan-rancangan FELDA dalam negeri Johor melibatkan kerja naik taraf infrastruktur komuniti, jalan dan saliran serta pembaikan tanah runtuh. Maklumat ringkas kelulusan adalah seperti berikut:-

Wilayah	Naiktaraf Infrastruktur Komuniti	Naik Taraf Jalan Dan Saliran	Pembaikan Tanah Runtuh	Jumlah
Felda Wilayah Johor Bahru	570,000.00	943,736.24	5,376,594.09	6,890,330.33
Felda Wilayah Segamat	502,000.00	269,000.00	2,917,890.00	3,688,890.00
<b>Jumlah</b>				<b>10,579,220.33</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 28 NOVEMBER 2021**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 18 (A96)**

Apakah persediaan dan perancangan kerajaan bagi menyelesaikan masalah banjir yang berlaku di Batu 4 Jalan Ayer Hitam dan Sungai Sedi?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Untuk makluman Dewan yang mulia dan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Yong Peng, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengenal pasti masalah banjir yang berlaku di Batu 4 Jalan Ayer Hitam dan Sungai Sedi. Lanjutan dari itu, Jabatan Pengairan dan Saliran telah membuat persediaan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengurangkan masalah banjir di kawasan tersebut.

Untuk perancangan jangka pendek, kerja kerja penyelenggaraan seperti membersihkan sistem saliran dan sebagainya dilaksanakan di Sungai Sedi secara berkala bergantung kepada peruntukan penyelenggaraan yang diterima. Kerja pembersihan sepanjang 8,300m dilaksanakan setiap 2 tahun iaitu telah dilaksanakan pada tahun 2018 dan 2020 dengan kos RM100,000.00 setiap pusingan.

Bagi perancangan jangka panjang, Jabatan Pengairan dan Saliran telah memanggil tawaran bagi Kerja-kerja Penggalian di Sungai Bekok, Mukim Tanjung Sembrong, Batu Pahat, Johor dengan kos sebanyak RM 3.4 juta. Kerja kerja tersebut dijangka siap dalam tempoh 2 tahun.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 28 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)**  
**SOALAN 19 (A161)**

Apakah status terkini untuk projek menaik taraf di tapak Hutan Bandar MBBB?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Untuk makluman, projek ini merupakan projek membina semula Pejabat Landskap, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Projek bermula pada 15/08/2018 dan sepatutnya siap pada 08/10/2019. Kemajuan fizikal ditapak adalah 61% dan berlaku kelewatan disebabkan oleh ketidakupayaan kontraktor dari segi kewangan dan komitmen dalam menyiapkan kerja ditapak. 2 notis amaran telah dikeluarkan pada 15/3/2020 dan 14/6/2020 dan notis kemungkiran 12/11/2020. Pihak MBBB telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada 5/11/2020.

Dari segi pemantauan dan mesyuarat tapak yang dipengerusikan oleh YB Datuk Bandar, pihak kontraktor telah gagal mematuhi syarat-syarat kontrak. Pihak kontraktor telah diberi Lanjutan Masa atas sebab Perintah Kawalan dan Pergerakan yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan diseluruh Negara yang melibatkan semua sektor bertujuan untuk membendung penularan wabak pandemik Covid-19. Dilihat dari sudut pengurusan projek dan pengurusan tapak bina, pihak MBBB telah mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan pada 14/11/2021 dan dalam proses penamatan kontrak kontraktor.